

# Lampiran Penerangan Produk - Insurans Dandang dan Bejana Tekanan

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Insurans Dandang dan Bejana Tekanan. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

CHUBB®

## 1. Apakah produk ini?

---

Polisi ini memberikan perlindungan kepada anda untuk kerosakan pada dandang atau bejana tekanan anda, liabiliti anda di sisi undang-undang untuk kerosakan harta dan liabiliti anda di sisi undang-undang oleh sebab kecederaan maut atau bukan maut yang disebabkan oleh dan semata-mata disebabkan oleh letupan atau runtuhan mana-mana dandang atau bejana tekanan yang dijelaskan dalam Jadual semasa menjalankan kerja biasa.

## 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

---

Polisi ini melindungi perkara yang berkaitan dengan:

- Kerosakan (selain disebabkan kebakaran) pada mana-mana dandang atau bejana tekanan;
- liabiliti anda di sisi undang-undang untuk kerosakan pada harta yang bukan milik anda;
- liabiliti anda di sisi undang-undang untuk kecederaan maut atau bukan maut kepada mana-mana orang selain pekerja atau pekerja buruh anda sendiri atau ahli keluarga anda

yang disebabkan oleh dan semata-mata disebabkan oleh letupan atau runtuhan mana-mana dandang atau bejana tekanan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 1 di atas.

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

## 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

---

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan kami.

Polisi ini tertakluk pada premium minimum RM 250.00.

## 4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

---

- Duti setem - RM10
- Cukai (jika berkenaan) - 6% daripada premium
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 15% daripada premium.

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

---

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb.Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau
- (b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

- Semua loji hendaklah diperiksa dalam tempoh undang-undang oleh pemeriksa yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- Dandang hanya boleh dikendalikan oleh petugas yang memiliki sijil kecakapan sah yang dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera yang sewajarnya.
- Terdapat jumlah yang boleh ditolak / lebihan yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Sekiranya terdapat kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin setelah anda mengetahuinya.

Perkara di atas adalah ringkasan sebahagian terma dan syarat utama polisi dan adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi untuk keseluruhan terma dan syarat insurans ini.

## **6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?**

---

Polisi ini tidak melindungi:

- Kecacatan akibat haus atau pembaziran bahan dandang atau bejana tekanan
- Kegagalan tiub individu dalam dandang melainkan yang mengakibatkan letupan atau runtuh
- Tindakan sengaja atau pengabaian sengaja
- Kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau apa-apa sebab luar
- Kerugian yang ditanggung akibat pemberhentian kerja
- Kerugian/kerosakan akibat taufan, hurikan, letusan gunung berapi, gempa bumi atau konvulsi alam semula jadi lain
- Kerugian/kerosakan daripada apa-apa ujian
- Kerugian/kerosakan akibat perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, dahagi, rusuhan, mogok, sekatan masuk kerja, kekecohan awam, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

## **7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

---

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, apa-apa pengembalian premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam kontrak polisi.

## **8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?**

---

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

## 9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

---

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Dandang dan Bejana Tekanan, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
T +6 03 2058 3000  
F +6 03 2058 3333  
E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

---

Tiada

### NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunapakai.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 15 Oktober 2020.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.